



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KEPELBAGAIAN BUDAYA DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM PELAJAR - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAERAH ASAJAYA, SAMARAHAN, SARAWAK

LEE SUA BOI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN

**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

16 . 04 . 2007

LEE SUA BOI
M20061000071



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha membantu, menyelia, melaksanakan dan menjayakan laporan projek ini.

Penghargaan dan jutaan terima kasih khas buat Dr. Julismah bt. Jani selaku penyelia projek ini di atas masa dan usaha beliau dalam memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan dengan penuh dedikasi sepanjang projek ini dijalankan. Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah yang terlibat dalam Program Sarjana Pendidikan Sains Sukan (Eksekutif) 2006/2007. Ilmu yang dicurahkan tiada ternilai dan memberi pengalaman berguna sepanjang perjalanan projek ini. Sokongan rakan-rakan sekalian menjadi perangsang untuk terus gigih dalam penulisan kertas projek ini.

Terima kasih kepada pihak sekolah, guru-guru dan responden yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam memberi kerjasama bagi memudah serta melancarkan lagi proses kajian ini.

Istimewa buat ibu serta keluarga tersayang “ Pengorbanan kalian amat dihargai”. Segala kepayahan anda semua memberi pengertian yang bermakna dalam hidupku.

Sesungguhnya kejayaan yang dicapai bukanlah milik saya sendiri tetapi adalah milik kita bersama. Semoga apa yang diperolehi diberkati.

Sekian, terima kasih.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan penyelidikan adalah untuk mendapatkan data tahap pemahaman serta penglibatan pelajar dalam aktiviti kurikulum berdasarkan perbezaan umur, jantina dan bangsa. Sampel ($N=143$) terdiri daripada berbagai kaum, jantina serta peringkat umur 13 hingga 17 tahun dipilih secara persampelan rawak. Pengumpulan data dilakukan dengan borang soal selidik dan dapatan skor berdasarkan skala Likert 1- 5 dengan skor komposit dikumpulkan kepada selang kelas bagi tiga tahap (3-Tinggi, 2-Sederhana, 1-Rendah). Dapatan menunjukkan tahap pemahaman responden terhadap aktiviti kurikulum berada pada tahap kognitif dan afektif adalah tinggi iaitu 60.1% dan 51.0%, dan tahap tingkah laku berada pada tahap sederhana iaitu 70.6%. Jantina serta bangsa antara pelbagai peringkat umur bagi setiap tahap pemahaman kognitif, afektif and tingkah laku menunjukkan tiada perbezaan signifikan dengan nilai $p=0.664$, $p=0.223$, $p=0.993$ (jantina). Bagi kategori bangsa, nilai $p=0.221$, $p=0.870$ kecuali tahap kognitif antara bangsa Melayu dan Cina didapati wujudnya perbezaan yang signifikan yang sederhana kuat dengan nilai ($p=0.032$) pada nilai signifikan $p< 0.05$. Tahap pemahaman antara peringkat umur juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dengan nilai $p=0.611$, $p=0.711$ dan $p=0.652$. Aspek kognitif, afektif dan tingkah laku mempunyai perkaitan terhadap penglibatan dalam kurikulum pada nilai $r=0.585$, $r=0.492$ dan $r=0.515$. Dapatan juga menunjukkan tiada perbezaan antara tahap penglibatan kurikulum terhadap jantina ($p=0.556$), umur ($p=0.787$) serta bangsa ($p=0.126$) pada nilai signifikan $p<0.05$. Berpandukan maklumat dan dapatan kajian membolehkan penyesuaian terhadap aktiviti kurikulum yang menjurus kepada sikap dan amalan yang mendorong kepada penglibatan aktiviti kurikulum. Kajian seterusnya boleh dijalankan bagi mendapatkan data pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai budaya secara menyeluruh di Sarawak and Malaysia amnya





ABSTRACT

The purpose of this study was to examine understanding stage and involvement of the students in the cocurriculum activity according age differenties, sex and race. The Sample ($N = 143$) include various races, sex and age between 13 to 17 years old students were randomly selected from secondary school in Asajaya district, Samarahan, Sarawak. Data were collected using survey questionnaires from Likert Scale 1-5 score. Composite score was divided into 3 level (high, medium and low). Result indicated understanding level participants towards cocurriculum activity was at high level. Cognitive level (60.1%), affective level (51.0%) and behaviors at medium level (70.6%). Sex and race between different ages for cognitive, affective and behaviour understanding level indicated no significant with p value, $p=0.664$, $p=0.223$, $p=0.993$ (sex). Race p value, $p=0.221$, $p=0.870$ except cognitive level between Malay and Chinese was slightly significant ($p = 0.032$) at significant value $p<0.05$. Involvement level of different ages indicated no significant with p value, $p=0.611$, $p=0.711$ and $p=0.652$. Involvement level was strong regression with cognitive, affective and behaviors aspect with r value, $r=0.585$, $r=0.492$ dan $r=0.515$. Outcomes also indicated no differenties between cocurriculum involvement level and sex ($p=0.556$), age ($p=0.787$) and race ($p=0.126$) at significant value $p<0.05$. Regarding to the information and outcomes ,arrangement of the cocurriculum activity towards attitude and habits which due to their involvement to cocurriculum activity. It is also discovered that further research should be carried out to provide data in the overall prevalence of multiculture in cocurriculum activity in Sarawak and Malaysia as a whole.





SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
4.1 : Hasil Analisis Diskriptif Kekerapan Dan Peratus Bagi Tahap Penglibatan Terhadap Kokurikulum.....	28
4.2 : Ujian-t Perbezaan Tahap Penglibatan Terhadap kokurikulum Di Antara Jantina.....	29
4.3 : Analisis Diskriptif Tahap Penglibatan Terhadap Kokurikulum Berdasarkan Umur.....	30
4.4 : Analisis ANOVA Tahap Penglibatan Terhadap Kokurikulum Dengan Umur Dan Bangsa.....	30
4.5 : Analisis Korelasi Antara Tahap Pemahaman Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Dengan Tahap Penglibatan Terhadap Kokurikulum.....	31
4.6 : Hasil Analisis Deskriptif Kekerapan Dan Peratus Bagi Menentukan Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum.....	33
4.7 : Ujian-t Perbandingan Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Di Antara Jantina.....	36
4.8 : Perbandingan Tahap Kognitif , Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Berdasarkan Bangsa.....	37
4.9 : Perbandingan ANOVA Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Di Antara Kategori Bangsa.....	49
4.10 : Analisis Post Hoc Pelbagai Perbandingan Tahap Kognitif Terhadap Kokurikulum Berdasarkan Kategori Bangsa.....	41
4.11 : Analisis Diskriptif Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Berdasarkan Umur.....	43





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

vii

4.12 : Analisis ANOVA Bagi Perbandingan Tahap Kognitif ,
Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum
Berdasarkan Umur..... 45



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 : Kerangka Konseptual.....	7
4.1 : Perbandingan Bilangan Serta Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum.....	34
4.2 : Perbandingan Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Berdasarkan Bangsa.....	42
4.3 : Perbandingan Tahap Kognitif, Afektif Dan Tingkah Laku Terhadap Kokurikulum Bagi Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Berdasarkan Umur.....	46





KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
JADUAL	vi
RAJAH	viii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Pernyataan masalah.....	5
1.3 Kerangka Konseptual.....	7
1.4 Objektif Kajian.....	8
1.5 Persoalan Kajian.....	9
1.6 Kepentingan Kajian.....	10
1.7 Batasan Kajian.....	11
1.8 Definisi Operasional.....	12

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR..... 14

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian.....	20
-----------------------------	----





3.2	Sampel Kajian.....	21
3.3	Lokasi Kajian.....	22
3.4	Instrumen Kajian.....	23
3.5	Prosedur Kajian.....	25
3.6	Penganalisisan Data.....	26

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Analisis deskriptif r, frekuensi dan peratusan tahap penglibatan terhadap kokurikulum.....	28
4.2	Ujian-t Perbandingan, diskriptif dan ANOVA tahap penglibatan terhadap kokurikulum berdasarkan jantina, umur dan bangsa.....	29
4.3	Analisis korelasi antara tahap pemahaman kognitif, afektif dan tingkah laku dengan tahap penglibatan terhadap kokurikulum.....	31
4.4	Analisis diskriptif skor, frekuensi dan peratusan bagi tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kokurikulum.....	32
4.5	Perbandingan tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kokurikulum berdasarkan jantina.....	34
4.6	Analisis ANOVA tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kokurikulum berdasarkan bangsa.....	37
4.7	Analisis Perbandingan tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kokurikulum berdasarkan umur.....	43





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 5**PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.1	Perbincangan.....	48
5.2	Kesimpulan.....	50
5.3	Cadangan.....	51
 RUJUKAN		53
 LAMPIRAN		56



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Di sebuah sekolah di Malaysia terdapat kepelbagaian gambaran dalam kelompok etnik, bangsa, minoriti dan kebudayaan. Perkara ini umumnya mempunyai pertalian dalam corak penglibatan serta pemahaman yang berbeza-beza mengenai harapan serta tindakan dan sikap terhadap pendidikan di sekolah. Begitu juga peranan kurikulum yang dibentuk untuk pelajar kepelbagaian budaya ini.

Kepelbagaian budaya adalah biasanya dirujuk kepada seseorang individu dalam satu kumpulan budaya, dan setiap individu secara asasnya kepunyaan beberapa kelompok. Kelompok –kelompok ini merangkumi, jantina, agama, umur, kelas, bahasa pertuturan, bangsa. Walaupun demikian, perbandingan bangsa merupakan kriteria untuk rujukan dalam merujuk budaya yang berbagai (Semple, 1993).





Aktiviti kokurikulum umumnya telah lama diperkenalkan dan dijalankan dalam sistem pendidikan negara kita ini sejak zaman penjajah British. Aktiviti kokurikulum terus diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia seperti yang termaktub dalam surat arahan *School Course of Studies Regulations 1956* dan pindaan tahun 1961 (Akta Pendidikan 1961 No:552). Pada masa itu kegiatan ini lebih dikenali sebagai kegiatan kumpulan (Abdul Alim Abdul Rahim, 1994). Aktiviti ini terus berkembang dan pada tahun 1985, aktiviti kokurikulum telah dikenali sebagai satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Konsepnya ialah aktiviti kokurikulum ini dijalankan di luar waktu persekolahan, iaitu peruntukan masa lebih kurang dua hingga tiga jam dalam seminggu (Mohd Salleh Lebar, 1996).

Secara umumnya, kegiatan kokurikulum adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar dalam memperkembangkan potensi dalam mencapai pengalaman serta mencapai kehidupan yang lebih bermakna. Pengalaman ini pada asasnya berfokus kepada aspek kognitif, afektif, sosial dan psikomotor yang dirangkumi dalam falsafah program kokurikulum. Penglibatan diri dalam aktiviti kokurikulum memberi ruang serta peluang kepada individu untuk merasai suasana serta pengalaman yang berguna pada masa hadapan.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu bahawasanya pendidikan mempunyai peranan penting dalam menjayakan wawasan negara demi untuk mencapai taraf negara maju sepenuhnya dari segi kemajuan ekonomi, keadilan sosial, dan kekuatan rohani, moral dan etika, ke arah mewujudkan suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, liberal dan dinamik (Kementerian



Pendidikan Malaysia, 1989). Maka dalam hal yang sedemikian aktiviti kurikulum berperanan penting dalam mewujudkan serta memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, peranan kurikulum dapat membantu dalam usaha untuk melahirkan warga negara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan keupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Menyedari kepentingan kurikulum ini, Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 telah mengesah serta memperakukan bahawa semua pelajar digalakkan serta diberi peluang dalam penglibatan mereka secara langsung dalam aktiviti kurikulum di sekolah.

Wee Eng Hoe (1998), telah menggariskan bahawa kegiatan kurikulum meliputi semua kegiatan di luar bilik darjah termasuk kegiatan lanjutan daripada kurikulum yang diajar di bilik darjah. Kegiatan kurikulum juga merupakan satu cara pengajaran amali yang memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari kemahiran-kemahiran tertentu dengan lebih terperinci lagi dalam tempoh masa yang lebih panjang. Menurutnya lagi, kegiatan kurikulum dianggap berkesan untuk memupuk keseimbangan perkembangan mental dengan perkembangan rohani, jasmani dan sosial pelajar. Aktiviti-aktiviti kurikulum di sekolah boleh memberi arah dan hala tuju kepada pelajar supaya menceburkan diri di dalam

aktiviti yang berfaedah. Berikutan penceburan ini, diharapkan gaya hidup yang sama boleh dipupuk selepas alam persekolahan pelajar itu nanti.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) menjelaskan bahawa gerak kerja kokurikulum adalah penting untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau pun *esprit de corps* di antara pelajar-pelajar pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan. Ia juga bertujuan melatih pelajar-pelajar supaya bersikap bertanggungjawab. Kegiatan ini juga boleh melatih mereka berdisiplin, berdikari dan berkemahiran dalam sesuatu lapangan yang mereka sertai. Ibrahim (1980), berpendapat bahawa kokurikulum mempunyai hubungan yang rapat dengan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Oleh itu, perlaksanaan kokurikulum harus diperkembangkan untuk tujuan mewujudkan kemahiran sosial antara pelajar berbilang kaum.

Buku Panduan Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia (1989), menjelaskan bahawa pelajar-pelajar tidak dapat pengalaman-pengalaman tertentu di bilik darjah, maka gerak kerja kokurikulum boleh menyediakan pengetahuan dan pengalaman tersebut bagi perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani, dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif.

Menurut Abu Bakar (1991), aktiviti kokurikulum yang dikendalikan oleh pihak sekolah merujuk kepada aktiviti yang dilakukan di luar bilik darjah. Aktiviti ini meliputi bidang seperti sukan, permainan serta aktiviti kelab dan persatuan. Aktiviti luar bilik darjah ini telah sekian lama dijalankan oleh sistem pendidikan

kita iaitu program ini telah diperuntukkan dalam Peraturan Kursus Pengajian, Akta Pelajaran 1956, cuma istilahnya telah diubah kepada aktiviti kokurikulum.

Aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti gerak kerja yang merangkumi keseluruhan kegiatan di luar bilik darjah. Aktiviti ini merupakan sebahagian daripada kurikulum sekolah dan merupakan proses yang tersusun dan dirancang. Aktiviti ini merupakan perkembangan atau lanjutan daripada kurikulum dalam bilik darjah. Akan tetapi, kegiatan kokurikulum boleh dijalankan di dalam kelas mengikut kesesuaian aktiviti atau gerak kerja yang hendak dijalankan. (Abdul Alim, 1994). Kokurikulum juga merupakan aktiviti praktikal yang membolehkan pelajar diberi peluang untuk mempelajari kemahiran-kemahiran yang tertentu. Pemahaman ini adalah selari dengan perkembangan yang telah dipelajari dalam bilik darjah. Integrasi ini boleh meningkatkan pengetahuan pelajar semasa menjalankan aktiviti kokurikulum. (Abu Bakar , 1991).

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kajian Dawn Daley (1991) terdapat beberapa isu dalam kokurikulum yang melibatkan faktor kepelbagaiannya budaya. Apabila dilihat secara umum, ianya merangkumi bahasa, sebutan, pemakanan, agama, lambang kesucian, pengetahuan, sikap dan pakaian dalam melibatkan diri untuk aktiviti kokurikulum.

Di Malaysia, kepelbagaiannya budaya atau bangsa dalam satu sistem persekolahan masa kini amat dititikberatkan dalam melahirkan masyarakat yang

harmoni dan bersatu padu. Atas dasar inilah, satu tinjauan atau kajian dibuat dalam menentukan tahap penglibatan berbagai bangsa terhadap aktiviti kurikulum dijalankan.


Masalah yang menjadi fokus ialah ketidakseimbangan tahap penglibatan bangsa dalam aktiviti kurikulum dalam sesebuah sekolah. Selain itu faktor jantina dan umur juga juga memainkan peranan terhadap kecenderungan dalam aktiviti kurikulum di sekolah menengah. Bagi sekolah menengah di daerah Asajaya yang terdiri daripada berbagai bangsa dan budaya, masalah tersebut berkemungkinan wujud dalam kegiatan sehari-hari pelajar.

Maka, kajian ini dilakukan ke atas tahap penglibatan pelajar-pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada berbagai bangsa dan jantina dalam memberi gambaran kepada pemahaman pelajar tersebut, keluarga, budaya atau masyarakat terhadap aktiviti kurikulum yang dijalankan di sekolah.

1.3 Kerangka Konseptual

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual bagi proses aliran kerja terhadap faktor-faktor yang dikenalpasti dalam mempengaruhi pemahaman serta penglibatan terhadap kurikulum bagi pelajar sekolah menengah.



1.4 Objektif Kajian

Antara objektif kajian berdasarkan penyataan masaalah yang dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Mengkaji tahap pemahaman pelajar-pelajar sekolah menengah dari aspek kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap penglibatan dan kepentingan aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah.
Kepelbagai budaya iaitu lebih berfokus kepada aspek bangsa dalam sesebuah sekolah merupakan tumpuan dalam mengenalpasti perbezaan budaya pelajar dan sikap mereka terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.
2. Di samping itu kajian ini mengambil kira pembolehubah umur dan jantina untuk mengenalpasti sejauh mana domain utama atau pembolehubah sampingan yang menentukan tahap pemahaman serta perbandingan antara pelajar pelbagai bangsa tersebut terhadap aktiviti kokurikulum.
3. Melihat perbezaan antara umur, jantina dan bangsa dalam aktiviti kokurikulum.
4. Mengetahui tahap pencapaian penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan – soalan berikut :

1. Adakah faktor jantina, umur dan bangsa mempengaruhi perbezaan terhadap tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum?
2. Adakah wujudnya perkaitan antara tahap pemahaman pelajar dengan penglibatannya dalam kokurikulum?
3. Adakah faktor jantina mempengaruhi perbezaan tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum di sekolah?
4. Adakah faktor bangsa mempengaruhi perbezaan tahap kognitif iaitu pemahaman dalam diri, tahap afektif iaitu kesedaran dan tingkah laku iaitu kesungguhan terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum di sekolah?
5. Adakah faktor umur mempengaruhi perbezaan tahap kognitif iaitu pemahaman dalam diri, tahap afektif iaitu kesedaran dan tingkah laku iaitu kesungguhan terhadap kepentingan aktiviti kokurikulum di sekolah?

Secara keseluruhannya persoalan kajian ini merujuk kepada kaitan di antara pembolehubah tidak bersandar iaitu bangsa, jantina, umur, tahap kognitif, tahap afektif dan tahap tingkah laku dengan pembolehubah bersandar iaitu perbezaan tahap penglibatan terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah.

1.6 Kepentingan Kajian

Antara beberapa sebab kepentingan kajian mengenai penglibatan pelbagai budaya dalam aktiviti kokurikulum adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat-maklumat berkaitan tahap pemahaman pelajar dari segi tahap kognitif, afektif dan tingkah laku terhadap aktiviti kokurikulum berdasarkan umur, bangsa dan jantina.

Seterusnya maklumat ini penting dalam mengenalpasti punca terhadap perbezaan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum bagi pelajar-pelajar tersebut. Berdasarkan maklumat dan dapatan membolehkan penyesuaian terhadap aktiviti kokurikulum terhadap tahap pemahaman serta penglibatan dalam meningkatkan moral dan semangat untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum bagi pelbagai kaum bagi sesuatu tempat. Unjuran daripada maklumat terperinci mengenai sikap dan amalan yang mendorong kepada penglibatan aktiviti kokurikulum dapat membantu pihak yang berkaitan dengan pendidikan serta agensi berkaitan dalam mewujudkan program atau intervensi terhadap kurikulum yang sesuai bagi menangani sikap negatif terhadap kepentingan kokurikulum dalam kalangan pelajar pelbagai budaya sesuatu kawasan tersebut. Selain itu peranan pelaksana

program kurikulum dapat membentuk serta panduan yang boleh menjadi landasan untuk membaiki kelemahan serta meningkatkan kreativiti dalam mencorak pengajaran yang berkesan dan memberi manfaat kepada pelajar pelbagai budaya dan bangsa dalam aktiviti kurikulum di sekolah.

1.7 Batasan Kajian

Proses kajian berdasarkan borang soal selidik secara diskriptif yang diedarkan kepada sebilangan pelajar secara rawak dalam kelas-kelas yang berbagai tingkatan, maka keseimbangan kuota antara kaum-kaum yang hendak dibanding menimbulkan perbezaan bilangan sampel tersebut. Limitasi kajian ini iaitu kajian ini dilakukan ke atas 150 orang pelajar sekolah menengah berdasarkan jantina, bangsa/budaya yang berumur dalam lingkungan 13 hingga 17 tahun. Maklumat yang diperolehi tidak meliputi keseluruhan golongan tersebut yang berada di sekolah menengah di daerah Asajaya, Samarahan, Sarawak. Kajian ini tertumpu pada sekolah menengah di Daerah Asajaya, Samarahan dan hasil dapatan mungkin tidak dapat menggambarkan keseluruhan sekolah menengah di daerah-daerah lain di Sarawak. Kesudian serta kejujuran responden dalam menjawab soalan adalah di luar kawalan pengkaji. Ini boleh menentukan unsur berat sebelah hasil dapatan serta ketepatan data yang dianalisa.

Di samping itu, perkara-perkara yang disoal dalam borang soal selidik ini terdiri daripada item-item yang terlalu terhad dan mungkin tidak meliputi semua aspek yang perlu dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan dalam analisis dapatan. Maka, pengkaji sukar dalam membuat suatu generalisasi kepada kesimpulan hasil dapatan analisis.

1.8 Definisi Operasional

- Kepelbagaian Budaya / Kebudayaan

Perihal berbagai-bagai daripada keseluruhan. Dalam kajian ini, kepelbagaian budaya merujuk kepada berbagai bangsa yang terdapat pada sekolah yang dikaji. Ia juga termasuk jantina, umur serta tahap (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) penglibatan pelajar dalam aktiviti serta kepentingan kokurikulum yang dijalankan di sekolah.

- Aktiviti kokurikulum

Kegiatan atau gerak laku fizikal yang terancang dari segi pengelolaannya serta pengajarannya iaitu di luar kelas kurikulum biasa termasuk kegiatan lanjutan daripada kurikulum yang diajar di bilik darjah. Kegiatan

kokurikulum sekolah yang dikaji merangkumi aktiviti Pasukan Beruniform, Kelab dan persatuan serta sukan yang merupakan aktiviti luar bilik darjah. Kegiatan ini adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kepentingan aktiviti ini juga setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya sebagai penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa ini sekolah menawarkan pelbagai jenis kegiatan kokurikulum. Setiap pelajar seharusnya menganggotai sekurang-kurangnya satu daripada setiap jenis aktiviti tersebut.